

Yayasan EKUINAS salur RM500 juta kepada PNB

» Agihan untuk dimanfaatkan pemilik unit amanah Bumiputera

Oleh Ahmad Fiesal Othman dan Nasaruddin Parzi
bhnews@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Ekuity Nasional Bhd (EKUINAS) menyalurkan RM500 juta daripada keuntungan untuk dimanfaatkan kepada Bumiputera yang memiliki unit amanah yang diurus Permodalan Nasional Bhd (PNB).

"Ia akan disalurkan menerusi Yayasan EKUINAS kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau yang juga Penggerusi Yayasan EKUINAS, berkata PNB dipilih kerana ia platform paling sesuai berdasarkan lebih 10 juta Bumiputera kini memiliki unit amanah yang diuruskan institusi itu.

"Pengagihan yang diterima PNB pula akan digunakan untuk disimpan dan pelaburan lanjutan supaya berkembang lebih besar dan boleh dinikmati pemegang unit amanah Bumiputera secara mapan dalam jangka panjang."

"Ini selaras dengan peranan PNB sebagai penaung yang bertanggungjawab memeliha serta mengembangkan ekuiti dan kekayaan Bumiputera," katanya pada majlis Pengagihan Keuntungan EKUINAS kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera/PNB di Dewan Bantuan Parlimen, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Penggerusi EKUINAS, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda; dan Ketua Pegawai Eksekutif EKUINAS, Datuk Abdul Rahman Ahmad.



Najib menyaksikan pengagihan keuntungan EKUINAS yang disampaikan oleh Raja Arshad kepada Hamad Kama Piah (dua dari kanan) sambil diperhatikan Muhyiddin dan Ahmad Husni di Bangunan Parlimen, semalam.

[FOTO YAZIT RAZAL/BH]

Najib berkata, kerajaan berharap inisiatif itu berupaya menggalakkan budaya melabur dalam kalangan masyarakat Bumiputera, selain memastikan kejayaan Bumiputera dipeliha dan berkembang.

Galak budaya melabur

Najib berkata, kerajaan berharap inisiatif itu berupaya menggalakkan budaya melabur dalam kalangan masyarakat Bumiputera, selain memastikan kejayaan Bumiputera dipeliha dan berkembang.

"Pengagihan keuntungan EKUINAS ini juga membuktikan keberkesanan strategi kerajaan dalam meningkatkan ekuiti Bumiputera menerusi model pembiayaan ekuiti swasta, selain mencerminkan komitmen memastikan kejayaan

dasar Bumiputera dapat dikongsi bersama dengan masyarakat Bumiputera," katanya.

Tingkat ekuiti Bumiputera

EKUINAS ditubuhkan pada 1 September 2009 untuk menyediakan pembiayaan ekuiti persendirian kepada syarikat dan usahawan berpotensi tinggi di Malaysia, di samping menjana pulangan pasaran untuk membantu meningkatkan ekuiti Bumiputera.

Sementara itu, Raja Arshad berkata, EKUINAS sehingga kini membuat 30 pelaburan bernilai RM2.3 bilion dalam syarikat berpotensi tinggi tempatan dalam pelbagai bidang termasuk minyak dan gas (O&G) serta pendidikan.

EKUINAS juga berjaya mencatat pulangan membanggakan selepas mencatatkan Pu-

langan Kasar Portfolio sebanyak RM655.9 juta, bersamaan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan sebanyak 25.5 peratus.

"Ia melebihi sasaran pulangan jangka panjang minimum 12 peratus dan aspirasi 20 peratus. Kadar pulangan ini dijangka meningkat tahun ini dengan kejayaan penyeraian syarikat Icon Offshore Bhd baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata, EKUINAS yang memperoleh dana permulaan RM500 juta dari kerajaan sebagai peruntukan awal daripada RM5 bilion seperti diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia (RMK) Kesembilan dan RMKe-10 dijangka mampu untuk mewujudkan dana sendiri dan tidak lagi bergantung kepada kerajaan dalam tempoh tiga tahun akan datang.